

PENDIDIKAN PENYELAMAT NASIB PELARIAN

PERNAHKAH terfikir tentang nasib insan bernama pelarian? Apa akan terjadi dengan mereka yang sekadar menagih simpati untuk berada di negara bukan tanah air sendiri?

Sedarkah bahawa hampir 70 peratus pelarian di seluruh dunia melibatkan orang Islam yang lari daripada kezahnan di negara sendiri atau akibat peperangan?

Malah daripada jumlah itu, kira-kira 157,000 pelarian berada di negara ini bagi mendapatkan perlindungan dan mengharapkan ihsan orang ramai demi meneruskan kelangsungan hidup.

Selama mana mereka harus bergantung harap kepada belas ihsan orang ramai untuk meneruskan kehidupan? Apakah ada jalan terbaik untuk

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**
aguna@utusan.com.my



mereka berdiri atas kaki sendiri bagi merencana kehidupan seterusnya?

Ika tiada perancangan sempurna untuk golongan tersebut, pastinya perkara itu akan memberi kesan kepada Islam kerana kebanyakan besar pelarian adalah melibatkan masyarakat Islam yang berhadapan masalah besar di negara kelahiran termasuk dari Iraq, Palestin, Syria, Bosnia, Afghanistan, Somalia serta etnik Rohingya di Myanmar.



ZARINA OTHMAN

Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Madya Dr. Zarina Othman** berkata, kajian dan soal selidik dilakukan ke atas



MOHAMAD RAJMI AB. RAHIM (tengah) bersemangat membicarakan isu pelarian yang mendapatkan perlindungan di negara ini.

kumpulan pelarian minoriti Islam Rohingya yang ditindas di Myanmar mendapati, kumpulan masyarakat Islam itu sangat mengharapkan bantuan dalam

bentuk pendidikan.

Katanya, bantuan tersebut dilihat mampu mengubah nasib masyarakat pelarian Rohingya daripada terus

mundur dan

bebas daripada menjadi mangsa kezaliman di negara sendiri.

"Berdasarkan tinjauan dan kaji selidik yang kami lakukan di kem-kem pelarian haram Cox's Bazar, Bangladesh, kesemua maklumat diterima mahukan bantuan

daripada aspek pendidikan. Kebanyakan pelarian yang ditemui tidak berpelajaran.

"Bagi mereka, pendidikan sahaja mampu mengubah nasib masyarakat minoriti Islam Rohingya di Myanmar. Dengan ilmu pengetahuan, mereka berupaya melakukan perubahan dan mempunyai keyakinan membangunkan masyarakat yang tidak diterima di negara sendiri," katanya.

Berita berkata demikian sempena pengantutan Bicara Persada Ke-35 yang bertajuk 'Pelarian Muslim: Fenomena Atau Kelangkaan Hidup?' di UKM, baru-baru ini.

Tiga lagi ahli panel yang turut serta dalam sesi pertambahan ilmu itu ialah Ketua Pengarah Eksekutif Aman Palestin Bhd. (Aman Palestin), Awang Sufian Awang Putri; Presiden Global Peace Mission (GPM) Malaysia, Mohamad Rajmi Ab. Rahim serta Felo Penyelidik Institut Islam Hadhari UKM, Shamsul Azhar Yahya.



KESAN kemusnahan di kawasan timur Aleppo, Syria akibat pertemburan kumpulan pemberontak dengan tentera kerajaan menyebabkan ramai rakyat di negara itu menjadi pelarian. - AP